BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

Sorotan Bulanan
Ogos 2023

Inflasi keseluruhan kekal tidak berubah pada 2.0% pada bulan Ogos

Sumbangan kepada inflasi

Sumbangan mata peratusan | %, tahun ke tahun



[1] Pengiraan inflasi teras tidak termasuk barangan yang harganya tidak menentu dan barangan yang harganya ditadbir
Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan anggaran Bank Negara Malaysia

- Inflasi keseluruhan kekal tidak berubah pada 2.0% (Julai 2023: 2.0%) berikutan penurunan inflasi teras yang diimbangi oleh kenaikan sementara inflasi untuk komponen bukan teras termasuk bahan api dan elektrik.
- Inflasi teras yang lebih rendah pada 2.5% (Julai 2023: 2.8%) sebahagian besarnya mencerminkan inflasi yang lebih rendah untuk makanan di luar rumah, sewa dan perkhidmatan mengikut budi bicara.

Eksport terus menurun pada bulan Ogos

Eksport Malaysia mengikut Produk

RM bilion | %, tahun ke tahun



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan MATRADE

- Eksport menguncup sebanyak 18.6% pada bulan Ogos 2023 (Julai 2023: -13.0%), mencerminkan permintaan luaran yang lebih lemah dan penurunan harga komoditi berikutan kesan asas yang tinggi.
- Pertumbuhan eksport perkilangan terjejas disebabkan terutamanya oleh E&E, produk petroleum dan produk berasaskan minyak sawit. Sementara itu, eksport komoditi menurun disebabkan terutamanya oleh penghantaran minyak sawit, LNG dan petroleum mentah yang lebih rendah.
- Pertumbuhan eksport dijangka terus menguncup pada tempoh jangka pendek, meskipun pada kadar yang lebih perlahan. Risiko pertumbuhan eksport menjadi lebih perlahan terus wujud, berpunca daripada permintaan luaran yang lebih lemah.

Pertumbuhan kredit kepada sektor swasta bukan kewangan mampan pada bulan Ogos

Kredit kepada sektor swasta bukan kewangan[1,2]



[1] Terdiri daripada pinjaman kepada isi rumah dan syarikat bukan kewangan oleh sistem perbankan dan institusi kewangan pembangunan (IKP) serta bon korporat yang diterbitkan oleh syarikat bukan kewangan (termasuk kertas jangka pendek).
[2] Mulai penerbitan Sorotan dan Perangkaan Bulanan (Monthly Highlights and Statistics, MHS) bulan Disember 2022, siri ini diperkenalkan untuk meningkatkan kualiti data pembiayaan. Siri data baharu ini tersedia dalam Jadual 2.18 MHS.
Sumber: Bank Negara Malaysia

- Kredit kepada sektor swasta bukan kewangan meningkat sebanyak 3.8% pada akhir bulan Ogos (Julai 2023: 3.8%), disokong oleh pertumbuhan pinjaman terkumpul yang lebih tinggi.
- Bagi perniagaan, walaupun bon korporat terkumpul meningkat pada kadar yang lebih perlahan 4.4% (Julai 2023: 5.2%), pertumbuhan pinjaman terkumpul meningkat kepada 0.7% (Julai 2023: 0.2%). Hal ini mencerminkan terutamanya peningkatan dalam segmen bukan PKS untuk pinjaman modal kerja dan pelaburan. Yang ketara, pertumbuhan pinjaman terkumpul kepada PKS sebahagian besarnya terus menggalakkan pada 6.2% (Julai 2023: 6.7%).
- Pertumbuhan pinjaman terkumpul bagi isi rumah mampan pada 5.3% (Julai 2023: 5.2%), disokong oleh pertumbuhan yang lebih tinggi merentas kebanyakan tujuan pinjaman. Pertumbuhan pinjaman isi rumah terus didorong oleh pinjaman untuk pembelian rumah dan kereta, yang masing-masing meningkat sebanyak 7.3% dan 8.7% (Julai 2023: masing-masing 7.1% dan 8.4%).

BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

Sorotan Bulanan
Ogos 2023

Pasaran kewangan domestik didorong oleh faktor luaran

Prestasi Pasaran Kewangan pada bulan Ogos 2023[1]



- Pasaran kewangan global terjejas oleh kebimbangan yang berterusan berhubung dengan kelembapan ekonomi China. People's Bank of China telah mengumumkan satu kitaran pelonggaran dasar monetari yang tidak dijangka. Sementara itu, Pengerusi Federal Reserve AS, Jerome Powell menegaskan semula di Jackson Hole Symposium bahawa keadaan monetari AS perlu terus ketat untuk tempoh yang lebih lama.
- Kesannya, ringgit menurun nilai berbanding dolar AS sebanyak 2.1% (purata serantau[2]: -2.4%), manakala FBM KLCI menurun sebanyak 0.5% (purata serantau[2]: -2.0%). Kadar hasil MGS 10 tahun kekal tidak berubah pada bulan Ogos.

[1] Data kadar pertukaran ialah kadar pada pukul 12.00 tengah hari di Pasaran Tukaran Asing Antara Bank Kuala Lumpur
[2] Negara serantau terdiri daripada Singapura, Thailand, Filipina, Indonesia dan Korea
Sumber: Bank Negara Malaysia dan Bursa Malaysia

Permodalan sistem perbankan kekal kukuh bagi menyokong pertumbuhan ekonomi

Kecukupan Modal Sistem Perbankan



- Sistem perbankan terus mengekalkan tahap permodalan yang kukuh untuk menghadapi kemungkinan tekanan dan menyokong pertumbuhan pengantaraan kredit dalam ekonomi.
- Pada tarikh laporan, sistem perbankan mencatatkan lebihan penampan modal[1] sebanyak RM133.3 bilion.

[1] Merujuk jumlah modal melebihi tahap pengawalseliaan minimum, yang meliputi keperluan penampan pengekalan modal (2.5%) dan keperluan minimum bank tertentu yang lebih tinggi.
Sumber: Bank Negara Malaysia

Daya tahan sistem perbankan terus disokong oleh kualiti aset yang mantap

Kualiti Aset Sistem Perbankan



- Nisbah pinjaman terjejas kasar dan bersih keseluruhan sebahagian besarnya kekal tidak berubah, masing-masing pada 1.8% dan 1.1%.
- Nisbah perlindungan kerugian pinjaman (termasuk rizab pengawalseliaan) kekal pada tahap berhemat sebanyak 115.0% daripada pinjaman terjejas, dengan jumlah peruntukan mencakupi 1.6% daripada jumlah pinjaman.

Sumber: Bank Negara Malaysia

BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

SIARAN AKHBAR

No. Ruj.: 09/23/06

EMBARGO: Tidak boleh dicetak atau disiarkan sebelum pukul 1500 hari Jumaat, 29 September 2023

Sorotan Bulanan – Ogos 2023

Inflasi keseluruhan kekal tidak berubah pada 2.0% pada bulan Ogos

- Inflasi keseluruhan kekal tidak berubah pada 2.0% (Julai 2023: 2.0%) berikutan penurunan inflasi teras yang diimbangi oleh kenaikan sementara inflasi untuk komponen bukan teras termasuk bahan api dan elektrik.
- Inflasi teras yang lebih rendah pada 2.5% (Julai 2023: 2.8%) sebahagian besarnya mencerminkan inflasi yang lebih rendah untuk makanan di luar rumah, sewa dan perkhidmatan mengikut budi bicara.

Eksport terus menurun pada bulan Ogos

- Eksport menguncup sebanyak 18.6% pada bulan Ogos 2023 (Julai 2023: -13.0%), mencerminkan permintaan luaran yang lebih lemah dan penurunan harga komoditi berikutan kesan asas yang tinggi.
- Pertumbuhan eksport perkilangan terjejas disebabkan terutamanya oleh produk E&E, produk petroleum dan produk berasaskan minyak sawit. Sementara itu, eksport komoditi menurun disebabkan terutamanya oleh penghantaran minyak sawit, gas asli cecair (*liquefied natural gas*, LNG) dan petroleum mentah yang lebih rendah.
- Pertumbuhan eksport dijangka terus menguncup pada tempoh jangka pendek, meskipun pada kadar yang lebih perlahan. Risiko pertumbuhan eksport menjadi lebih perlahan terus wujud, berpunca daripada permintaan luaran yang lebih lemah.

Pertumbuhan kredit kepada sektor swasta bukan kewangan mampan pada bulan Ogos

- Kredit kepada sektor swasta bukan kewangan meningkat sebanyak 3.8% pada akhir bulan Ogos (Julai 2023: 3.8%), disokong oleh pertumbuhan pinjaman terkumpul yang lebih tinggi.
- Bagi perniagaan, walaupun bon korporat terkumpul meningkat pada kadar yang lebih perlahan 4.4% (Julai 2023: 5.2%), pertumbuhan pinjaman terkumpul meningkat kepada 0.7% (Julai 2023: 0.2%). Hal ini mencerminkan terutamanya peningkatan dalam segmen bukan PKS untuk pinjaman modal kerja dan pelaburan. Yang ketara, pertumbuhan pinjaman terkumpul kepada PKS sebahagian besarnya terus menggalakkan pada 6.2% (Julai 2023: 6.7%).
- Pertumbuhan pinjaman terkumpul bagi isi rumah mampan pada 5.3% (Julai 2023: 5.2%), disokong oleh pertumbuhan yang lebih tinggi merentas kebanyakan tujuan pinjaman. Pertumbuhan pinjaman isi rumah terus didorong oleh pinjaman untuk pembelian rumah dan kereta, yang masing-masing meningkat sebanyak 7.3% dan 8.7% (Julai 2023: masing-masing 7.1% dan 8.4%).

Pasaran kewangan domestik didorong oleh faktor luaran

- Pasaran kewangan global terjejas oleh kebimbangan yang berterusan berhubung dengan kelembapan ekonomi China. People's Bank of China telah mengumumkan satu kitaran pelonggaran dasar monetari yang tidak dijangka. Sementara itu, Pengerusi Federal Reserve AS, Jerome Powell menegaskan semula di Jackson Hole Symposium bahawa keadaan monetari AS perlu terus ketat untuk tempoh yang lebih lama.
- Kesannya, ringgit menurun nilai berbanding dolar AS sebanyak 2.1% (purata serantau[1]: -2.4%), manakala FBM KLCI menurun sebanyak 0.5% (purata serantau: -2.0%). Kadar hasil MGS 10 tahun kekal tidak berubah pada bulan Ogos.

[1] Negara serantau terdiri daripada Singapura, Thailand, Filipina, Indonesia dan Korea

Diterbitkan oleh:
Jabatan Komunikasi Strategik, Tingkat 14, Blok B, Bangunan Bank Negara Malaysia,
Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur, Malaysia.
E-mel: communications@bnm.gov.my
Web: www.bnm.gov.my

Permodalan sistem perbankan kekal kukuh bagi menyokong pertumbuhan ekonomi

- Sistem perbankan terus mengekalkan tahap permodalan yang kukuh untuk menghadapi kemungkinan tekanan dan menyokong pertumbuhan pengantaraan kredit dalam ekonomi.
- Pada tarikh laporan, sistem perbankan mencatatkan lebihan penampan modal[2] sebanyak RM133.3 bilion.

Daya tahan sistem perbankan terus disokong oleh kualiti aset yang mantap

- Nisbah pinjaman terjejas kasar dan bersih keseluruhan sebahagian besarnya kekal tidak berubah, masing-masing pada 1.8% dan 1.1%.
- Nisbah perlindungan kerugian pinjaman (termasuk rizab pengawalseliaan) kekal pada tahap berhemat sebanyak 115.0% daripada pinjaman terjejas, dengan jumlah peruntukan mencakupi 1.6% daripada jumlah pinjaman.

Bank Negara Malaysia
29 September 2023

[2] Merujuk jumlah modal melebihi tahap pengawalseliaan minimum, yang meliputi keperluan penampan pengekalan modal (2.5%) dan keperluan minimum bank tertentu yang lebih tinggi

Diterbitkan oleh:
Jabatan Komunikasi Strategik, Tingkat 14, Blok B, Bangunan Bank Negara Malaysia,
Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur, Malaysia.
E-mel: communications@bnm.gov.my
Web: www.bnm.gov.my